

TUJUAN UCAPAN	UCAPAN SEMPENA PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA LOCAL AGENDA 21 (LA 21) TAHUN 2016
TETAMU KEHORMAT	YB DATUK ROZMAN BIN DATUK HAJI ISLI, AHLI PARLIMEN LABUAN MERANGKAP PENERUSI PERBADANAN LABUAN
TARIKH MASA TEMPAT	23 APRIL 2016 (SABTU) 8 PAGI BALAI RAYA KAMPUNG LAYANG- LAYANGAN WP LABUAN
ANJURAN	PERBADANAN LABUAN PEJABAT PARLIMEN LABUAN JKKK KG LAYANG-LAYANGAN
RAKAN KONGSI	AGENSI KERAJAAN, SWASTA, NGOS DEWAN – DEWAN PERNIAGAAN DAN PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL LABUAN

Bismillahirrahmanirrahim

*YB Senator Datuk Haji Yunus bin Hj.
Kurus, Ahli Dewan Negara,*

*Y. Bhg Dato' Mohd Nadzri bin Osman,
Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan
Labuan*

*Ahli-Ahli Majlis Penasihat ,
Perbadanan Labuan,*

*Pegawai-pegawai Kanan, Perbadanan
Labuan,*

*Pengarah-Pengarah Jabatan Kerajaan
dan Sektor Swasta,*

*Rakan-Rakan Kongsi, Pengerusi
Dewan-Dewan Perniagaan atau wakil,*

*Ketua-ketua Kampung / Para
Pemimpin Masyarakat, Para
Pengerusi NGO*

Rakan Media

*YB Datuk/ Y. Bhg. Datuk/tuan/puan
yang saya hormati*

*Assalamualaikum Warahmatullah hi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Salam 1 Malaysia, Salam Wilayah
Ceria, Rakyat Sejahtera.*

1. *Segala puji dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinnya jua, kita dapat bersama-sama berhimpun sempena Majlis Perasmian Program Gotong-royong Perdana Local Agenda 21 (LA 21) Tahun 2016 yang diadakan pada pagi ini.*

2. *Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya untuk menyempurnakan perasmian majlis. Tahniah kepada semua kerana bekerjasama dengan Perbadanan Labuan untuk mengadakan program*

ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan, KEMAS, Jabatan Perpaduan, Jabatan Penerangan, RELA serta lain-lain agensi yang turut menjadi rakan kongsi LA 21 Labuan untuk menjayakan program ini. Terima kasih juga diucapkan kepada YB Datuk, Y. Bhg. Datuk/tuan/puan yang sudi meluangkan masa untuk hadir dan seterusnya meramaikan lagi program yang diadakan.

3. Seperti mana yang YB Datuk, Y. Bhg Datuk/ tuan/puan sering terbaca

di dada akhbar, pada masa ini, secara hakikatnya hidup kita amat terdedah kepada bahaya–bahaya penyakit bawaan makhluk perosak seperti tikus, lalat dan lain–lain termasuklah nyamuk. Dan perkara yang amat membimbangkan, pertaruhannya ialah nyawa kita, ahli keluarga kita, saudara–mara kita dan warga Negara Malaysia secara amnya. Di Malaysia, pada tahun 2015, seramai 336 orang telah meninggal dunia akibat terkena penyakit demam denggi dan di Labuan kes demam denggi ialah seramai 2 orang. Walaupun jumlah ini masih belum dapat menandingi jumlah mereka yang tewas akibat

kemalangan jalan raya, secara relatifnya angka-angka ini menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Tanggapan orang awam terhadap bahaya penyakit ini adalah berbeza-beza. Bagi orang yang tidak ambil kisah, kejadian ini dilihat tidak akan berlaku pada diri dan keluarga mereka. Bagi orang yang terlalu obses pula, ia akan menjadi trauma yang menghantui setiap langkah yang dibuat.

YB Datuk, Y Bhg. Datuk/tuan/puan yang saya hormati

4. Walau dalam keadaan apa pun, kita hendaklah menjadi orang yang peka tetapi tidak terlalu obses. Apabila kita menjadi orang tidak peka, kita berkemungkinan lalai untuk menjaga persekitaran kawasan kita. Kesempatan inilah yang memungkinkan makhluk-makhluk ini dapat membiak dan berpeluang menyebarkan penyakit melalui gigitan, kencing dan lain-lain. Apabila kita menjadi orang yang sedikit obses, kita akan mengambil pendekatan hidup lebih berhati-hati dan

mengambil langkah–langkah pencegahan menjauhi kemungkinan buruk yang bakal berlaku. Memang benar, hidup dan mati ini adalah kuasa Allah SWT. Namun begitu kita juga diminta berusaha untuk memastikan keselamatan dan kesihatan kita dan keluarga terlindung dari sebarang mara bahaya.

YB Datuk/ Y. Bhg Datuk/ tuan/puan

5. Oleh kerana itulah sebagai kerajaan yang amat perihatin mengenai kebajikan rakyatnya,

inisiatif telah diambil untuk membanteras penularan kes-kes penyakit yang dibangkitkan. Melalui Pihak Berkuasa Tempatan, agensi-agensi kerajaan yang lain, program gotong-royong dan kesedaran sentiasa dirancang dan diadakan untuk meningkatkan kesedaran orang awam bagi menjaga kesihatan diri dan keluarga serta persekitaran. Kawasan-kawasan sasaran tidak mengira tempat, di pasar, medan selera, kampung-kampung , taman perumahan termasuklah premis-premis makanan.

YB Datuk/ Y. Bhg Datuk/ tuan/puan

6. Sebenarnya, penyakit–penyakit adalah perkara yang biasa dan tidak sepatutnya mengganggu gugat kehidupan kita seharian. Walau bagaimanapun, oleh kerana adanya segelintir orang awam yang tidak menjaga kebersihan persekitaran, ia telah menarik kehadiran makhluk–makhluk perosak yang membawa wabak penyakit. Oleh itu, kita mempunyai tanggungjawab bersama untuk menjaga keselamatan diri, keluarga, persekitaran dan jiran–jiran. Pengusaha premis makanan dan

pengendali makanan juga mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan tempat penyediaan makanan dan makanan yang selamat untuk para pelanggannya mengikut Peraturan-Peraturan Kebersihan Premis Makanan 2009. Jika semua pihak sanggup bertanggungjawab, tidak adalah lagi bekas-bekas terbiar yang boleh digunakan oleh nyamuk untuk membiak. Jika tidak ada pihak yang membuang sesuatu ke dalam longkang, tidak akan berlaku longkang bertakung air dan menjadi tempat nyamuk bertelur. Jika kawasan persekitaran tempat penyediaan makanan dan longkang

bersih, tidak adalah lagi tarikan kepada sang tikus menunjukkan muka dan meninggalkan kencing yang berbahaya. Begitu juga jika kita sentiasa memastikan semua takungan air tertutup, bahan-bahan makanan tertutup maka tidak adalah lagi kes bekas dicemari, bekas menjadi tempat pembiakan makhluk perosak dan lain-lain.

YB Datuk/ Y. Bhg Datuk/ tuan/puan

7. Pada Majlis Perasmian Program Gotong-Royong ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk

menyempurnakan penyampaian sumbangan urus tadbir kepada Ketua-ketua Kampung sebanyak RM270,000.00, penyampaian sumbangan komputer kepada JKKK Kampung sebanyak RM43,000.00, penyampaian geran khas tahunan kepada Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Labuan sebanyak RM15,000.00 dan penyampaian sumbangan mangsa bencana alam sebanyak RM2,500.00. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk memastikan program ini dapat diadakan dalam keadaan lancar.

Sempena program gotong-royong hari ini, penganjur menyediakan pemeriksaan saringan kesihatan percuma diselaraskan oleh Jabatan Kesihatan dengan kerjasama COSPEN, pertandingan memungut sampah tempat pembiakan aedes dan kaunter daftar pemilih serta pameran daripada jabatan-jabatan kerajaan.

8. Akhirnya, saya amat berharap agar kita bersama-sama setiap waktu mengamalkan budaya menjaga kebersihan sebagai gaya hidup sihat dikalangan masyarakat. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya menyempurnakan perasmian Majlis

Program Gotong–Royong Perdana di bawah Local Agenda 21 (LA 21) yang diadakan pada pagi ini.

Sekian, Terima Kasih.